

17/10/1997

Tolak operasi pelabur wang panas

BAGI negara Asean, pelaburan asing tetap dianggap elemen penting bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Kita tidak dapat menafikan pelaburan modal yang besar berjaya membantu dalam pelbagai masalah ekonomi di negara berkenaan. Kejayaan Malaysia juga turut dibantu oleh penyertaan asing. Selain membantu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan per kapita rakyat, pelaburan asing membantu menyelesaikan masalah pengangguran hingga membolehkannya mencapai tahap guna tenaga penuh. Kestabilan politik, keyakinan terhadap kemampuan ekonomi negara, kemudahan prasarana terkini dan pelbagai jenis galakan yang disediakan, mendorong pelabur asing menanam modal atau meningkatkan pelaburan.

Kita sedia maklum kehadiran pelabur yang begitu ramai di rantau ini berlandaskan hakikat mereka boleh membuat untung ke atas modal yang mereka laburkan. Mereka tidak akan berada di negara ini jika dari awal lagi sudah meramalkan akan menghadapi masalah atau tidak mendapat sebarang pulangan. Hanya selepas mengambil kira faedah pelaburan dan risiko yang mungkin ditanggung, pelabur membuat keputusan melabur di sesebuah negara. Tentunya setiap negara mempunyai kriteria tersendiri untuk memilih pelabur. Kita hanya memilih pelabur berkualiti dan mempunyai rekod pencapaian yang baik.

Walaupun kita mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan menggalakkan kemasukan pelabur, kita juga perlu arif mengenai bentuk pelabur yang boleh diterima. Mereka perlu memahami hasrat kita, memindahkan teknologi secara rela dan tidak rakus mengaut untung. Oleh itu, kita tidak boleh menerima segala bentuk pelaburan, jika ia tidak memberi faedah kepada negara kita. Ini sejajar dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) Ke-29 di Kuala Lumpur semalam.

Dr Mahathir menasihatkan negara Asean dalam menarik pelaburan jangka panjang mereka seharusnya menolak operasi pelaburan wang panas yang tidak membawa kemakmuran kepada negara. Pada kita wang panas adalah pelaburan yang digunakan oleh pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan lumayan dalam jangka pendek. Kita mahu setiap pelabur menjalankan aktiviti perniagaan yang jujur. Sebaliknya, jika mereka cuba menyuntik perniagaan tidak sihat, kita harus menolak mereka. Hari ini, sudah ada bukti berlaku penyelewengan. Kita harus bertindak menolak mereka dan mendedahkan kegiatan buruk mereka.

Pada kita, sama ada ia berlaku di Malaysia atau negara Asean lain, setiap negara perlu berhati-hati memilih bentuk pelaburan di negara mereka. Walaupun pelaburan dibuat untuk jangka panjang namun negara berkenaan seharusnya menolak sebarang bentuk operasi yang boleh ditakrifkan sebagai pelaburan wang panas. Pemilihan haruslah dibuat hanya kepada aktiviti yang produktif. Sebarang usaha pelaburan yang dikenal pasti mempunyai unsur manipulasi dan spekulatif, harus ditolak. Kita tidak boleh menjadikan rantau ini sebagai tempat perjudian atau percaturan strategi pelabur yang hanya berminat mencari untung. Bagaimana kita boleh menerima pihak yang hanya mementingkan diri sendiri sedangkan mereka langsung tidak menghiraukan kesan buruk yang kita alami daripada tindakan mereka. Pelabur yang mempunyai modal yang besar mungkin boleh melarikan diri ke pasaran negara lain jika menghadapi masalah. Tetapi, bagi rakyat di sesebuah negara yang menderita akibat aktiviti pelabur rakus, termasuk percubaan untuk melemahkan nilai mata wang sesebuah negara, mereka tidak mempunyai pilihan melainkan terus berada dalam sistem ekonomi negara yang

terumbang-ambing akibat tekanan pelabur yang mahu mengumpul wang yang banyak tanpa memikirkan nasib rakyat. Bila sesebuah negara menghadapi masalah, kita tidak boleh lagi mengharapkan bantuan mereka. Hanya negara jiran yang bersimpati saja yang sanggup menghulurkan bantuan. Atas dasar inilah Malaysia menolak sebarang tindakan spekulasi dan manipulasi.

Kita berharap mulai sekarang, setiap negara dapat membezakan antara operasi spekulatif wang panas jangka pendek dengan pelaburan serius dalam aktiviti yang produktif. Disebabkan negara Asean sentiasa bermuafakat dalam membuat sebarang keputusan, inilah masanya mereka harus bekerjasama lebih erat untuk merumuskan satu dasar makroekonomi. Dengan cara ini negara dalam lingkungan kerjasama berkenaan dapat menentukan matlamat bersama dan memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi serantau yang stabil.

(END)